



31 Julai 2026
31 July 2026
P.U. (B) 262

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 5

DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 5

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 5

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358], Menteri mewakilkan kepada Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 20 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] kuasa yang diberikan kepada Menteri oleh—

- (a) subseksyen 2(2) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan pemberian suatu perakuan pendaftaran pemegang amanah bagi mana-mana kumpulan atau persatuan orang yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud agama, pendidikan, sastera, sains, sosial atau khairat sebagai suatu pertubuhan perbadanan dengan sewajarnya, tertakluk kepada apa-apa syarat atau arahan secara am yang difikirkan oleh Menteri patut dimasukkan ke dalam perakuan itu;
- (b) subseksyen 2A(3) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan penukaran nama suatu pertubuhan perbadanan dengan kelulusan bertulis oleh Menteri;
- (c) subseksyen 2A(5) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan pengeluaran perakuan pemerbadanan baharu selepas penukaran nama suatu pertubuhan perbadanan;
- (d) subseksyen 4(3) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan penolakan untuk memberi suatu perakuan pemerbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 jika Menteri tidak berpuas hati bahawa permohonan telah mematuhi peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952;

- (e) subseksyen 6(3) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan penggantungan pemegang amanah yang didapati telah menyalahgunakan harta yang terletak hak pada pemegang amanah itu dan rujukan perkara itu kepada agensi penguatkuasaan undang-undang bagi penyasatan;
- (f) seksyen 8 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan arahan supaya disimpan suatu rekod mengenai semua permohonan bagi mendapatkan perakuan pemerbadanan dan rekod mengenai perakuan pemerbadanan, dan arahan supaya semua dokumen yang dihantar kepada Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dipelihara;
- (g) subseksyen 12(1) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan meterai am pertubuhan perbadanan yang hendaklah mempunyai apa-apa peranti sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dan sehingga meterai am itu diadakan Menteri boleh membenarkan penggunaan meterai mana-mana orang sebagai meterai am pertubuhan perbadanan itu; dan
- (h) seksyen 17 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 berkenaan dengan pembatalan perakuan pemerbadanan atau penggantungan aktiviti pertubuhan perbadanan oleh Menteri,

tertakluk kepada syarat dan sekatan bahawa kuasa yang diwakilkan tidak boleh diwakilkan semula kepada mana-mana pegawai lain dan bahawa Pendaftar hendaklah mematuhi apa-apa arahan sebagaimana yang dikeluarkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Bertarikh 29 Julai 2026

[BHEUU/06/(S) 229 Jld. 29 (54); PN(PU2)183/JLD.12]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

DELEGATION OF POWERS ACT 1956

DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 5

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Delegation of Powers Act 1956 [Act 358], the Minister delegates to the Registrar appointed under section 20 of the Trustees (Incorporation) Act 1952 [Act 258] the powers conferred on the Minister by—

- (a) subsection 2(2) of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the granting of a certificate of registration of the trustees of any body or association of persons established for any religious, educational, literary, scientific, social or charitable purpose as a body corporate accordingly, subject to such conditions or directions generally as the Minister shall think fit to insert in such certificate;
- (b) subsection 2A(3) of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the change of name of a body corporate with the written approval of the Minister;
- (c) subsection 2A(5) of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the issuance of a new certificate of incorporation after the change of name of a body corporate;
- (d) subsection 4(3) of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the refusal to grant a certificate of incorporation under the Trustees (Incorporation) Act 1952 if the Minister is not satisfied that the application has complied with the provisions of the Trustees (Incorporation) Act 1952 or the regulations made under the Trustees (Incorporation) Act 1952;

- (e) subsection 6(3) of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the suspension of a trustee found in misuse of the property vested in the trustee and the reference of the matter to the law enforcement agencies for investigation;
- (f) section 8 of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the direction of a record to be kept of all such applications for and certificates of incorporation, and the direction of all documents sent to the Minister under the Trustees (Incorporation) Act 1952 to be preserved;
- (g) subsection 12(1) of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the common seal of the body corporate shall have such device as may be approved by the Minister, and until such common seal is provided the seal of some person may be authorized by the Minister for use as the common seal of the body corporate; and
- (h) section 17 of the Trustees (Incorporation) Act 1952 in respect of the revocation of a certificate of incorporation or suspension of the activities of a body corporate by the Minister,

subject to the conditions and restrictions that the delegated powers shall not be re-delegated to any other officer and that the Registrar shall comply with such instructions as may be issued by the Minister from time to time.

Dated 29 July 2026

[BHEUU/06/(S) 229 Jld. 29 (54); PN(PU2)183/JLD.12]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
Minister in the Prime Minister's Department
(Law and Institutional Reforms)